

Puncak Fiji utamakan ekonomi

SUVA (Fiji), Selasa — Sidang Kemuncak Komanwel Rantau Asia Pasifik Ketiga (CHOGRM III) selama lima hari yang akan bermula lusa, dijangka menumpukan perhatian terhadap isu-isu ekonomi dan perdagangan serantau.

Tumpuan ini memandangkan keadaan ekonomi dunia yang terus terdesak, kadar faedah pinjaman yang membebaskan negara-negara membangun serta dasar perlindungan perdagangan yang diamalkan oleh negara-negara maju.

Suatu perkara yang menyentuh kepentingan rantau Asia-Pasifik secara terus ialah halangan-halangan yang

Dari

RAHMAN ADNAN

direntang oleh negara-negara maju terhadap penerimaan Undang-Undang Laut Antarabangsa dalam rangka rundingan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Isu-isu ini, yang berkaitan rapat dengan kehidupan penduduk rantau Pasifik, terutamanya negara-negara kepulauan kecil, dari segi mata pencarian dan nilai kehidupan sudah tentu memerlukan pendirian bersama serta langkah-langkah bersatu Ketua-ketua Kerajaan yang terlibat.

Bantu

Setiausaha Agung Komanwel, Encik Shridath Ramphal berkata di sini hari ini, sidang yang dianggap penting ini dijangka mencapai kata sepakat tentang langkah-langkah praktik demi membantu negara-negara kepulauan kecil yang baru mencapai kemerdekaan dari kuasa penjajah.

Negara-negara ini, terdiri dari Fiji, Papua New Guinea, Kepulauan Maldive, Tonga, Kepulauan Solomon, Solomon Vanuatu, Kiribiti, Tuvalu, Republik Nauru, dan Samoa Barat, adalah negara-negara kecil yang mempunyai pelbagai masalah mewujudkan sistem ekonomi dan politik yang viable.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir, yang akan menyampaikan ucapan dasar mengenai isu-isu ekonomi dan kerjasama serantau, dapat memberi

sumbangan besar kepada Komanwel, kata Encik Ramphal.

Sejak CHOGRM dimulakan 1978, Malaysia memainkan peranan aktif menjayakan keputusan-keputusan siri sidang kemuncak ini.

Cadangan Malaysia mengadakan sistem bantuan teknikal untuk negara-negara kecil, yang dikemukakan oleh Tun Hussein Onn di New Delhi, kini merupakan salah satu program CHOGRM yang dilaksanakan dengan rancak.

Malaysia menawarkan bantuan di bidang teknologi getah, teknologi makanan, penyelidikan perhutanan, penyelidikan halwan, perancangan pembangunan, dan odit yang kesemuanya bernilai \$10 juta.

Datuk Seri Dr. Mahathir dijangka menilai kemajuan yang dicapai setakat ini dalam ucapan dasarnya nanti.

Malaysia juga mengetuai salah satu dari lima jawatankuasa kerja yang ditubuhkan oleh CHOGRM, iaitu mengenai masalah dadah. Dengan usaha Malaysia, ancaman dadah ini disedari bukan sahaja sebagai masalah sosial tetapi suatu bahaya kepada keselamatan negara.

Di bidang politik serantau, Perdana Menteri dijangka menekankan pendirian tegas Malaysia berserta negara-negara ASEAN lain atas soal Kam-puchea.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia